

مَجْلِيسُّ بَانِدَرِنَّ كُوٰتِهَا وَبَانِدَرِ رَايِ إِسْلَامِ

MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

BULANAN MPKB-BRI

EDISI RAMADAN 1443H/APRIL 2022M



<http://www.mpkbbri.gov.my>

majlisperbandarankotabharubandarrayaislam

mpkbbri



MAJLIS PERASMIAN
MADINAH RAMADAN



DAURAH AL-QURAN



YDP BAHARU MPKB-BRI

BULETIN MPKB-BRI

SIDANG REDAKSI

Penaung

YABrs Tuan Rosnazli Bin Haji Amin
(Yang Dipertua, MPKB-BRI)

Penasihat

YBhg. En Ruzely Bin Abdullah
(Pengerusi Jawatankuasa Penerangan,
Perpaduan Kaum dan Pelancongan,
MPKB-BRI)

Ketua Pengarang

YBrs. En. Mohd Shaifudeen Bin Md Salleh
(Setiausaha, MPKB-BRI)

Pengarang

YBrs Haji Azman Bin Mohd Daham
(Pengarah Pengurusan Korporat)

YBrs Norliza Bt Razali
(Penolong Pengarah Pembangunan
Korporat)

YBrs Nurfatin Binti Azizan
(Penolong Pegawai Tadbir)

Editor dan Fotografi

YBrs Muhd Asyraf Bin Mad Rozali
(Pembantu Tadbir)

*" Setinggi Mana Kita Lompat,
Pasti Kita Turun Mendarat
Setinggi Mana Kita Berpangkat
Disisi ALLAH Sama Darjat "*



HAK CIPTA TERPELIHARA

JABATAN PENGURUSAN KORPORAT
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU
BANDAR RAYA ISLAM



UCAPAN ALUAN YDP MPKB-BRI

Syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan inayah dan kurnianya Buletin PDF edisi kedua bagi tahun 2022 telah berjaya diterbitkan. Ini merupakan hasil kerjasama dan semangat serta komitmen yang tinggi sidang redaksi majlis dalam menerbitkan Buletin PDF. Paparan dalam buletin pdf ini menjurus kepada semua aktiviti yang telah berlangsung pada setiap setiap bulan.

Objektif Buletin PDF adalah sebagai sebuah wadah untuk satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang pelbagai aktiviti sepanjang tahun.

Diharapkan penerbitan Buletin PDF ini menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada penyelaras Buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan.

Tahniah sekali lagi kepada sidang editor Buletin PDF pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Terima kasih kepada semua warga Kota Bharu.

Salam Hormat,
(YABrs Tuan Rosnazli Bin Haji Amin)
Yang Dipertua MPKB-BRI



MAJLIS PERASMIAN MADINAH RAMADAN

1443H/2022M

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MADINAH RAMADAN

03 Ramadan 1443H / 05 April 2022M Majlis Perasmian Program Madinah Ramadan yang bertempat di Ruang Solat, Madinah Ramadan, Di Dataran Warisan, Stadium Sultan Muhammad ke IV. Program bermula jam 8.30 malam dimulai dengan Solat Isyak & Terawih secara berjemaah yang diimamkan oleh Syeikh Hisyam Abdelbary Mohamad Rageh.



Majlis ini disempurnakan dengan ucapan aluan oleh YM Tuan Zainal Abidin Bin Tuan Yusuf (Yang Dipertua MPKB-BRI) dan juga Ucapan perasmian oleh YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Bin Yakob (Menteri Besar Kelantan). Turut hadir YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri, YB Penasihat Undang- undang Negeri, YB Ahli-ahli EXCO, YB Adun, Ahli Majlis MPKB-BRI dan ketua- ketua jabatan semua peringkat.





Landskap Madinah Ramadan



DAURAH DAURAH AL-QURAN MADINAH RAMADAN 1443H/2022

DAURAH AL-QURAN MADINAH RAMADHAN 1443H/2022M (TARIKHI 3)



DAURAH AL-QURAN MADINAH RAMADAN

Program Daurah Al-Quran Madinah Ramadan yang bermula pada 01 Ramadan 1443H (03 April 2022M) sehingga 29 Ramadan 1443H (01 Mei 2022M).

Program yang menampilkan Tokoh Pengkuliahan Tafsir Al-Quran terkemuka Negeri Kelantan ini akan bermula pada pukul 9.00 pagi dan akan berakhir pada pukul 1.00 tengahari dengan pengisian Tadarus Al-Quran oleh Sheikh Qurra' Pertubuhan Akademi Al-Quran iaitu Sheikh Hesyam Abdel Bari serta sesi Tafsir Al-Quran oleh para pengkuliahan mengikut tema yang telah ditetapkan.

Program ini terbuka kepada semua masyarakat untuk sama-sama hadir ke Madinah Ramadan bagi memeriahkan program Daurah Al-Quran demi penghayatan Al-Quran sepanjang Ramadan.



SOLAT TERAWIH DI PROGRAM MADINAH RAMADAN

Sambutan malam pertama Solat Terawih di Program Madinah Ramadan bertempat di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad Ke IV.

Program Madinah Ramadan 1443H/2022M yang bermula pada 02 April 2022M dengan Solat Sunat Terawih pertama yang dipimpin oleh Sheikh Hesyam Abdel Bari, Imam Madinah Ramadan.



Serambi Malam



Jalan Dato' Pati, Kota Bharu

**SERAMBI
MALAM**



Serambi Malam produk pelancongan baharu di Kota Bharu yang bertempat di Medan Ilmu Jalan Dato' Pati, Kota Bharu.

Serambi Malam adalah salah satu lokasi untuk pelancong dan juga warga Kelantan mendapatkan barang seperti pakaian, beg, kasut dan sebagainya. Ia juga dapat memberi peluang untuk peniaga-peniaga menjana pendapatan khususnya sepanjang bulan Ramadan. Kemeriahuan suasana Serambi Malam mendapat sambutan yang menggalakkan sepanjang bulan Ramadan. Dibuka setiap hari dari Jam 6.30 petang sehingga 12.00 tengah malam.





MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN DHUAFĀ' DAN ARMALAH



Turut hadir YB ADUN Bunut Payong, Dato' Dr Ramli Mamat, YB Ust Hj Abd Rahman Yunus, Adun Pasir Tumboh, Ketua Ahli Majlis MPKB-BRI, Ustaz Nor Azariza Mohd, Ahli-Ahli Majlis serta pegawai MPKB-BRI.

24 April 2022 - Majlis Sumbangan kepada golongan Dhuafa' & Armalah sempena Program Madinah Ramadan 1443H/2022M telah diadakan di ruangan solat, Madinah Ramadan Kota Bharu.

Seramai 900 penerima dari 9 buah DUN dalam kawasan Majlis dirai dalam majlis tersebut. Majlis dirasmikan oleh YB Puan Rohani binti Ibrahim, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Haji Mohamad Nasriff Daud, mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, juga turut hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Fakir Miskin dan Armalah.

Dalam ucapannya, YB Puan Rohani berkata bahawa "kehadiran golongan asnaf dan miskin memainkan peranan yang amat besar dalam membersihkan dan menyucikan harta orang berada melalui penerimaan zakat. Semoga dengan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka untuk persiapan Hari Raya nanti."



MAJLIS UNTAIAN KASIH JASAMU DIKENANG



Majlis Untaian Kasih Jasamu dikenang adalah majlis perpisahan YM Tuan Zainal Abidin Bin Tuan Yusuf sempena pertukaran beliau sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan).

Turut sama dalam majlis ini ahli majlis dan pengawai- pegawai serta YDP MPKB-BRI yang baharu iaitu YABrs Rosnazli bin Muhd Amin. Majlis tersebut telah diadakan pada 18 April 2022 bertempat di Restoran Al-Khatiri Kota Bharu Kelantan. Majlis disudahi dengan majlis berbuka puasa.



GOTONG ROYONG EKSA PERINGKAT MPKB-BRI



Gotong Royong EKSA BRI 1/2022 telah diadakan pada 21 April 2022 melibatkan semua jabatan/bahagian dalam MPKB-BRI ianya merangkumi 16 zon, program gotong - royong EKSA ini diadakan bagi persediaan menghadapi Audit EKSA DIY oleh pihak SUK yang dijangka akan diadakan pada 8 Jun 2022.





Audit Dalaman EKSA MPKB-BRI 1/2022



Audit Dalaman EKSA MPKB-BRI 1/2022

Audit dalaman EKSA peringkat MPKB-BRI telah diadakan pada 21 April 2022, dan ianya merupakan audit siri pertama, manakala untuk audit siri ke 2 akan diadakan pada pada 12 Mei 2022.



Seramai 14 auditor dalaman yang dilantik telah menjalankan aktiviti pengauditan peringkat dalaman merangkumi 16 zon.

YDP
BAHARU MPKB-BRI



**SELAMAT DATANG YABrs TUAN
ROSNALI BIN HAJI AMIN, YANG
DIPERTUA MPKB-BRI YANG BAHARU**



18 April 2022, Kota Bharu -
Tuan Rosnazli Bin Haji Amin
dilantik sebagai Yang
Dipertua, MPKB-BRI yang
baru bagi
menggantikan

YM Tuan Zainal Abidin Bin Tuan Yusuf yang telah bertukar ke SUK sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) berkuatkuasa pada 18 April 2022.

Seluruh warga kerja MPKB-BRI mengucapkan selamat datang dan selamat menjalankan tugas kepada Tuan Rosnazli Bin Haji Amin dalam memimpin pentadbiran dan memacu MPKB-BRI ke persada yang lebih tinggi.



Salam Aidilfitri



MPKB-BRI mengucapkan Selamat Hari Raya kepada seluruh warga Kota Bharu dan perantauan yang balik berhari raya di kampung masing-masing. Berhati-hati di jalanraya dan patuhi Sop Covid-19 semoga selamat disamping keluarga tercinta.